

03/02/2001

Wanita Malaysia semakin diiktiraf

Ropikah Ahmad

WANITA tidak kurang penting dalam pembangunan Malaysia. Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu adalah bukti pengiktirafan kerajaan kepada kepentingan mereka.

Wanita di Malaysia mengalami banyak perubahan dari sebelum negara mencapai kemerdekaan hingga kini. Pada amnya, kedudukan wanita sedikit sebanyak dipengaruhi corak ekonomi masyarakat.

Bagaimanapun, tanggungjawab asasnya sebagai isteri dan ibu tidak ditinggalkan, walaupun kedudukan wanita dalam masyarakat berubah mengikut peredaran zaman.

Menurut Prof Datuk Nik Safiah Karim, wanita berfungsi penting dalam masyarakat yang lebih luas. Sebagai isteri dan ibu, wanita berinteraksi dengan orang lain dalam masyarakat, sama ada dalam kegiatan sehari-hari atau menerusi institusi tertentu. Dalam masyarakat lebih moden, kegiatan berkelompok lebih nyata seperti melalui persatuan dan pertubuhan sedemikian.

Sejak merdeka, pelbagai perubahan dialami masyarakat yang turut membawa perubahan kepada wanita. Perubahan itu dapat dilihat menerusi pelbagai aspek termasuk sosial seperti peluang pelajaran. Menerusi pendidikan yang diterima, wanita meneroka bidang baru yang seterusnya membawa kepada alam pekerjaan.

Wanita membabitkan diri dalam sektor pekerjaan dan menjadi tenaga buruh penting sejak dulu, dalam keadaan tidak formal iaitu sebagai pekerja tidak bergaji di ladang dan sawah keluarga, di lombong dan ladang atau membantu ayah dan suami.

Dalam kerangka ekonomi moden kini, corak pekerjaan yang dipegang wanita berubah kerana menjadi tenaga kerja sah yang tertakluk kepada syarat dan waktu bekerja. Tenaga mereka pula dikira dalam jumlah tenaga buruh bekerja.

Apakah pilihan yang terbuka kepada wanita kini? Dalam konteks lebih luas, wanita mampu berfikir secara matang serta bersikap terbuka dalam menentukan kedudukannya dalam masyarakat.

Bidang politik adalah aspek profesionalisme berkaitan cara mengendalikan urusan yang perlu didekati secara politik juga. Sejak sekian lama, politik adalah arena mutlak lelaki dan penyertaan wanita dalam bidang itu menimbulkan reaksi semua pihak.

Reaksi pada satu pihak ialah persoalan pentakrifan semula fungsi wanita iaitu penyesuaian yang perlu dibuat bagi menghadapi cabaran baru yang wujud dalam bidang yang disertainya.

Wanita dikehendaki berfungsi sebagai isteri dan ibu, hingga kepada perkara berkaitan menyusun strategi, menjadi aktivis, menghadiri perjumpaan dan mesyuarat yang ada kalanya berlansung hingga larut malam.

Penyertaan wanita dalam politik tidak dianggap sebagai langkah baru tetapi lebih sebagai perlanjutan fungsi jantina yang tradisional iaitu wanita sebagai isteri, ibu, keran dan guru.

Jika suatu ketika, tugas wanita hanya terikat kepada kegiatan di rumah tetapi perubahan zaman membawa wanita ke aspek berbeza serta dapat membuktikan kebolehan serta sikap profesionalisme yang ada.

Dalam konteks ini, profesionalisme bermakna mempunyai pengetahuan cukup menerusi pelajaran formal dan kebolehan untuk mentadbir secara berkesan demi kepentingan parti dan negara. Di sini juga, sifat peribadi seperti

kebolehan bercakap dengan jelas dan berkesan, mempunyai sifat yang boleh dihormati dan dipandang tinggi akan ditonjolkan.

Pengisytiharan 1975 sebagai Tahun Wanita Antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan tempoh 1975 hingga 1985 sebagai Dekad Pembangunan Wanita secara tidak langsung mencerminkan kesedaran pelbagai pihak terhadap pentingnya fungsi wanita dalam pembangunan ekonomi.

Matlamat utama PBB untuk menyatupadukan wanita dalam pembangunan supaya mereka dapat mengambil bahagian sama dengan lelaki dan yang lebih penting, bekerja sama dalam pembangunan.

Apakah rasional di sebalik usaha menyatupadukan wanita dalam pembangunan? Ada tiga alasan yang menyokong penyertaan dan pembabitkan wanita dalam pembangunan negara. Pertama, jika tenaga wanita separuh daripada jumlah penduduk negara diabaikan saja, ia adalah pembaziran sumber penting.

Perkara ini dikenali sebagai pendekatan pragmatik yang membabitkan perihai yang mempunyai sifat atau pendirian lebih mementingkan kesan sebenar sesuatu daripada ciri yang bersifat praktikal.

Alasan kedua yang menyokong penyatupadukan wanita dalam pembangunan ialah keadilan. Oleh kerana sebelum ini, wanita diabaikan agensi pembangunan sama ada kerajaan atau swasta, menjadi tugas ahli perancang untuk menyediakan latihan dan sumber untuk kepentingan wanita.

Kebajikan keluarga adalah faktor terakhir yang membawa kepada penyertaan wanita dalam bidang pembangunan. Salah satu objektif pembangunan ialah membaiki mutu taraf hidup masyarakat keseluruhan. Ia tentu bermula dengan keluarga sihat dan sempurna.

Oleh itu, rancangan pembangunan untuk membantu wanita dalam melaksanakan fungsinya sebagai isteri dan ibu, dapat digubal dan meningkatkan taraf hidup keluarga seterusnya pembabitkan wanita dalam pembangunan negara lebih dihargai.

Pada ucapan perasmian Muktamar Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Islam Malaysia yang pertama (1975), Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak menyatakan:

"Dalam usaha kita berbakti bagi memberi makna kepada kemerdekaan yang kita capai itu, kita juga semestinya merakamkan ucapan terima kasih kepada kaum wanita yang telah bangun bersama-sama kaum lelaki mengorbankan masa dan tenaga bagi memastikan kejayaan bagi kemajuan negara."

Petikan itu jelas menggambarkan kedudukan dan fungsi wanita Malaysia berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Wanita sesungguhnya berfungsi penting dan membuat banyak sumbangan terhadap nusa dan bangsa. Bagaimanapun, amat sedikit diketahui mengenai dirinya, apatah lagi fungsinya kerana ia tidak pernah diuar-uarkan oleh diri mereka sendiri atau masyarakat seluruhnya.

Sebagai menghargai fungsi wanita di Malaysia, kerajaan mengetengahkan tujuh teras strategi menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh yang digubal bagi tempoh lima tahun (1996 - 2000) iaitu:

* Menggalakkan penyertaan wanita yang lebih mendalam dalam pasaran buruh.

* Menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan.

* Membaiki status kesihatan.

* Kajian semula undang-undang dan peraturan.

* Mengukuhkan keupayaan institusi untuk kemajuan wanita.

* Melaksanakan Dasar Wanita Negara.

* Pelaksanaan iltizam Antarabangsa untuk kemajuan wanita.

(Pelan Tindakan Pembangunan Wanita:1997:18)

Dengan penggubalan yang dilakukan kerajaan, menunjukkan pentingnya wanita turut dalam program yang menjadi isu pokok dan diberi penekanan dalam perisytiharan dekad pembangunan wanita.

Penyertaan wanita dalam kegiatan ekonomi juga meningkat dengan pesatnya. Di Malaysia, wanita yang terbabit dalam kegiatan ekonomi boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu wanita usahawan dan ahli perniagaan di bandar dan di luar bandar. Kedua ialah wanita sebagai pekerja sektor awam dan swasta.

Kedua-dua kumpulan itu menghadapi pelbagai sekatan dan halangan, namun kekuatan semangat mereka untuk terus memajukan dan membangunkan negara dapat melepasi segala rintangan yang ada.

Secara keseluruhannya masyarakat Malaysia mengalami pelbagai perubahan. Kemerdekaan adalah detik penting kerana membawa beberapa kesan penting. Sistem pentadbiran bertukar tangan dan kegiatan politik berubah daripada politik dijajah kepada politik memerintah sendiri.

Kedudukan wanita dalam masyarakat juga jauh berbeza daripada ibu dan nenek moyang mereka. Wanita bukan saja lebih cerdik, malah cekap menjalankan tugas, memperjuang dan membabitkan diri dalam kegiatan masyarakat.

Kehidupan sehari-hari wanita tidak seperti dulu yang terikat dengan kegiatan urusan rumah tangga semata-mata. Mereka sebaliknya terbabit dalam bidang pekerjaan, sebagai pekerja biasa atau kedudukan yang terbabit dengan proses membuat keputusan.

Negara memerlukan wanita dalam pelbagai aspek iaitu sebagai tenaga buruh, golongan yang turut merencanakan dan melaksanakan perancangan serta sayap kiri kepada lelaki yang diibaratkan sebagai sayap kanan dalam pekerjaan.

Hal ini membawa dua kesan baru kepada wanita iaitu pada satu pihak melambangkan kebebasan ekonomi; keadaan yang tidak ada pada sebahagian besar generasi sebelumnya. Keadaan sekeliling mengubah sumbangan dan kepentingan wanita.

Persoalan apakah sumbangan wanita dalam pembangunan negara tidak perlu dipertikaikan. Wanita memberi sumbangan bermakna dalam setiap aspek pembangunan negara. Begitu juga dengan kerajaan yang memberikan perhatian dan pengiktirafan terhadap wanita Malaysia.

(END)